

BANGSAWAN PENGENALAN DAN KESINAMBUNGANNYA

oleh

Roszila Bt. Abdul Rahman

Jabatan Senireka Grafik

Tesis ini dikemukakan kepada kajian senilukis dan senireka, Institut Teknologi Mara, sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan Diploma senilukis dan senireka.

- | | |
|--------------------|---------|
| 1. Diperiksa oleh: | Tarikh: |
| 2. Diperiksa oleh: | Tarikh: |
| 3. Diperiksa oleh: | Tarikh: |

Diluluskan oleh : _____ Tarikh:

Ketua Kajian

Kajian Senilukis dan Senireka

ITH, Shah Alain

Selangor

PRAKATA

Syukur ke hadrat Ilahi kerana berkat kesabaran maka tesis ini dapat di siapkan dengan sempurna. Tesis ini merupakan salah satu dari syarat untuk melayakkan seorang pelajar dari kajian senilukis memperolehi ijazah am. Segala isi dan fakta telah dicari dan disusun begitu terperinci, lalu lahirlah tesis yang ringkas tapi padat ini.

"Penerokaan yang luas tentang aspek bangsawan telah di buat secara teliti. Sebagai salah seorang yang dilahirkan di tengah-tengah keluarga bangsawan, maka tesis ini dapat saya tulis dengan berpandukan fakta-fakta yang tepat, yang selama ini belum diketahui oleh penulis lain secara keseluruhannya."

Maklumat yang diperolehi bukan hanya setakat teori sahaja tetapi dari pengalaman secara visual.

Tesis ini saya rasa dapat membantu semua peringkat untuk mengenali seni bangsawan dan juga perkembangannya, dan ia juga sesuai di baca oleh berbagai peringkat yang gemar mengenali sesuatu bidang seni. Semua ini adalah penting kerana kita tidak mahu seni warisan ini Input; begitu sahaja.

Penghargaan

Assalamualaikum

Di sini saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada semua yang telah memberi kerjasama untuk menyiapkan tesis ini. Semoga Tuhan memberikan perlindungan.

- 1) Tuan Hj. Hashim B. Hassan
Pensyarah Grafik,
ITH, Shah Alam
(Penasihat Utama)
- 2) Encik Abdul Rahman b. Hj. Abu Bakar
Tokoh Bangsawan dan Pengerusi
Persatuan Bangsawan Bintang Timur.
- 3) Cik Roszaini Abdul Rahman
Setiausaha
Persatuan Bangsawan Bintang Timur
- 4) Perpustakaan Tun Abdul Razak
ITH Shah Alam
- 5) Perpustakaan Negara Malaysia
- 6) Mini Perpustakaan
Galeri KSSR,
ITH, Shah Alam
- 7) Perpustakaan In okraf
- S) Orang Perseorangan

ISI KANDUNGAN

HUKA SUEAT

- I. Prakata (i)
- 2. Penghargaan (iii)
- 3. Senarai Sisipan (iv)

BAB

I	Pengenalan Pengkajian	1
	Falsafah Pengkajian dan Persoalannya	2
	Rekabentuk Penyelidikan	5
	a. Temubual/Wawancara	
	b. Peverhatian	
	Objektif Penyelidikan	6
II	Definisi Bangsawan	8
	Pengenalan	10
	Sejarah Bangsawan	
III	Pentas dan Pementasan	26
	Pengarahan Bangsawan	30
	Skrip Bangsawan	32
	Orkestra Bangsawan	33
IV	Cerita dan Pakaian	36
V	Kesinambungan Bangsawan sebagai media hiburan	43
V	Ulasan	53
	Bibliografi	59

PENGENALAN PENGKAJIAN

Bagi membuat suatu perbandingan dan perkembangan bangsawan dahulu dan sekarang, suatu pengkajian dan analisa yang terperinci perlu dilaksanakan.

Pengkajian yang dijalankan itu perlu mengambil maklumat yang tepat supaya tidak wujud kekeliruan pada generasi yang bakal tiba. Adalah menjadi suatu perkara yang mustahil membuat kajian hanya semata-raata meialui buku tetapi apa yang perlu ialah pengkaji harus bertanggungjawab mendapatkan maklumat yang lebih tepat dengan cara me libatkan diri secara langsung didalam sesuatu yang dikaji. Dengan itu segala pokok persoalan, pertanyaan serta analisa dapat dikupas sedalam-dalamnya.

Di dalam tesis ini adalah berkisar melihat perkembangan bangsawan hinggalah ke hari ini, Seterusnya melihat kesinambungan bangsawan itu sebagai salah satu media hiburan di negara kita ini.

Objektif Penyelidikan

Tajuk yang dipilih adalah didorong oleh beberapa faktor iaitu:

1. Untuk mengekalkan warisan budaya bangsa yang kian pupus.
2. Untuk mengkaji kehalusan senibudaya yang tersurat dan yang tersirat dari segi kepentingannya untuk